



Journal of Advanced Research in Computing and Applications

Journal homepage:
<https://akademiarbaru.com/submit/index.php/arca/index>
ISSN: 2462-1927



Tadabbur Al-Quran Through Information Technology: A Pilot Study Among Selangor Islamic University Students

Tadabbur Al-Quran Melalui Teknologi Maklumat: Satu Kajian Rintis Dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Selangor

Rohana Zakaria^{1,*}, Mohd Asri Ishak¹, Sharifah Nurhidayah Syed Aziz¹, Mardhiah Yahaya², Hayati Hussin³, Sofea Thanaa' Saibon¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

³ Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 6 February 2024

Received in revised form 14 March 2024

Accepted 22 April 2024

Available online 30 May 2024

Digital information technology has had a great impact on human life in many aspects. It is growing rapidly and becoming an important part of everyday life. Based on these requirements, this pilot study was conducted to identify the reliability of the instrument to measure the use of information technology during the process of meditating on the Quran among students of the Institute of Higher Studies at the Islamic University of Selangor (UIS). Since university students are the future human capital of the country and the link to the previous generation of the Muslim community, it is necessary to study and appreciate the true Quran according to the Quran and Sunnah. This study is based on a quantitative research design and the method used is stratified random sampling with a sample size of 35 Muslim students from the Islamic University of Selangor (UIS). The research instrument used is a questionnaire. The use of digital questionnaires that is "google form" allows data to be collected and analyzed easily and quickly. Research on previous studies was done to build instruments in this study. The value of the cronbach alpha coefficient for tadabbur al-Quran and information technology is 0.90 which is at a very high value. Thus, variable reliability of this instrument is acceptable. Research data was analyzed using IBM "Statistical Package of Social Science" (SPSS) version 29 to evaluate frequency, percentage and average. The results obtained show that the practice of memorizing the Quran using information technology among students is at a medium-high level. Thus, technology-based digital learning enables learning the Quran and daily tasks to be more personal and effective. However, the goals and objectives require improvements in order to help the process of reciting the Quran more systematic to achieve the goals and results of reciting the Quran.

Keywords:

Information technology; communication (ICT); tadabbur al-Quran

* Corresponding author.

E-mail address: rohana@kuis.edu.my (Rohana Zakaria)

Teknologi maklumat; komunikasi (ICT);
tadabbur al-Quran

Teknologi maklumat digital telah memberikan impak yang besar kepada kehidupan manusia dalam banyak aspek. Ia berkembang pesat dan menjadi sebahagian penting dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan kepada keperluan tersebut, kajian rintis ini dijalankan bertujuan mengenal pasti kebolehpercayaan instrumen bagi mengukur penggunaan teknologi maklumat semasa proses mentadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi di Universiti Islam Selangor (UIS). Memandangkan pelajar universiti adalah bakal modal insan negara dan penyambung generasi ummat Islam terdahulu, maka perlu kepada tadabbur dan penghayatan al-Quran yang sebenar menurut acuan al-Quran dan sunnah. Kajian ini berdasarkan kepada reka bentuk kajian kuantitatif dan kaedah yang digunakan adalah persampelan rawak berstrata dengan saiz sampel 35 orang pelajar Islam dari Universiti Islam Selangor (UIS). Instrumen penyelidikan yang digunakan adalah soal selidik. Penggunaan soal selidik digital iaitu "google form" membolehkan data dikumpul dan dianalisis dengan mudah dan cepat. Penelitian ke atas kajian-kajian lepas dilakukan bagi membina instrumen dalam kajian ini. Nilai pekali cronbach alpha bagi tadabbur al-Quran dan teknologi maklumat adalah 0.90 iaitu pada nilai yang sangat tinggi. Dengan itu, kebolehpercayaan pemboleh ubah bagi instrumen ini boleh diterima. Data kajian dianalisis dengan menggunakan IBM "Statistical Package of Social Science" (SPSS) versi 29 untuk menilai kekerapan, peratusan dan purata. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa amalan mentadabbur al-Quran menggunakan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Maka melalui teknologi berasaskan pembelajaran digital ini mampu menjadikan pembelajaran al-Quran mahupun tugas harian lebih personal dan efektif. Namun matlamat dan objektif memerlukan kepada penambahbaikan agar dapat membantu proses tadabbur al-Quran lebih bersistematis seterusnya mencapai matlamat dan hasil tadabbur.

1. Pengenalan

Penghayatan al-Quran yang berkesan mampu membentuk jati diri seseorang individu muslim menjadi lebih teguh serta menjadikan peribadinya dihiasi dengan akhlak yang baik serta budi pekerti yang tinggi. Hal demikian kerana al-Quran merupakan sebuah kitab unggul yang membawa petunjuk serta panduan lengkap yang dapat meresap ke dalam hati orang-orang yang sentiasa mendampingi dan mendalaminya. Justeru langkah utama dalam usaha mendampingi dan mendalami al-Quran adalah dengan mentadabbur ayat-ayatnya agar setiap maksud ayat al-Quran yang dibaca dapat dicapai dan difahami maknanya dengan baik.

Secara umumnya dalam proses mentadabbur al-Quran, sesebuah kitab tafsir al-Quran dari kalangan para ulama' yang masyhur dalam bidang pentafsiran al-Quran dijadikan sebagai sebuah sumber rujukan utama. Dalam pada itu, terdapat pelbagai kaedah lain yang dapat membantu seseorang itu dalam mentadabbur al-Quran antaranya dengan mengikuti kelas tadabbur al-Quran yang dibimbing oleh para guru yang mahir dalam bidang pentafsiran atau mengikuti kuliah-kuliah tafsir al-Quran yang diadakan di masjid-masjid sekitar.

Dalam pada itu, sejajar dengan perkembangan teknologi yang berkembang pesat pada zaman kini, amalan mentadabbur al-Quran juga dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan fleksibel antaranya seperti memuat turun aplikasi-aplikasi tadabbur al-Quran yang terdapat dalam telefon pintar seperti aplikasi Digital Quran Tadabbur, Quran Plus-Tafsir Dan Tadabbur, Quran Tadabbur dan pelbagai lagi seperti dalam Gambar 1. Kemudahan yang disediakan ini sebenarnya dapat membantu dan mendorong lebih ramai individu untuk mentadabbur al-Quran lebih-lebih lagi terhadap individu yang mempunyai kekangan sama ada dari sudut waktu, perbelanjaan mengikuti kelas, perbelanjaan membeli kitab-kitab tafsir dan sebagainya.

Di samping itu, dengan menggunakan peranti telefon pintar juga setiap individu dapat mengikuti kelas-kelas tadabbur al-Quran yang diadakan secara atas talian dengan lebih mudah antaranya seperti My Quran Time, Tadabbur Centre dan kelas-kelas pengajian tafsir al-Quran yang dibimbing oleh guru-guru yang mahir. Dalam pada itu, kitab-kitab tafsir yang dapat dijadikan sumber rujukan

dalam mentadabbur al-Quran juga lebih mudah untuk didapati dengan hanya memuat turun pada telefon pintar. Justeru ini ia juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk membeli kitab-kitab tafsir dan secara tidak langsung ia memudahkan semua pengguna.



Gambar 1. Aplikasi Quran Plus – Tafsir & Tadabbur

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pada zaman teknologi canggih kini terdapat pelbagai cabang kemudahan dalam mentadabbur al-Quran seperti tadabbur melalui penggunaan teknologi maklumat disamping tadabbur al-Quran secara fizikal seperti merujuk kitab-kitab tafsir, menghadiri kelas-kelas tadabbur al-Quran di pelbagai tempat dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji amalan mentadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat dalam kalangan pelajar aliran tahfiz al-Quran di Universiti Islam Selangor.

2. Konsep Tadabbur Al-Quran

2.1 Definisi Tadabbur Al-Quran

Perkataan tadabbur merupakan sebuah perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Kata dasar bagi kalimah tadabbur adalah *dabbara* (دَبْرَة) iaitu penghujung bagi sesuatu, dibelakang serta penelitian terhadap penghujung dan perkara selepasnya [1]. Menurut al-Ahdal, tadabbur merupakan sebuah kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran yang dibaca berserta dengan kehadiran hati dan tumpuan diri serta mengamalkan isi kandungannya [2].

Di samping itu, menurut al-Qardhawi maksud tadabbur adalah memikirkan akibat disebalik sesuatu perkara manakala menurut al-Lahim tadabbur merupakan renungan dan fikiran secara mendalam terhadap makna ayat-ayat suci al-Quran [3]. Selain itu, tadabbur merupakan proses pemerhatian dan penelitian secara berulang terhadap ayat-ayat al-Quran serta memikirkan maksud ayat-ayat al-Quran seterusnya memahami dan menghayati ayat tersebut dalam kehidupan [4].

Kesimpulannya, tadabbur al-Quran merupakan sebuah proses berfikir secara mendalam dengan penuh tumpuan untuk memahami makna ayat-ayat suci al-Quran seterusnya dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian berdasarkan panduan-panduan yang telah dinyatakan dalam al-Quran.

2.2 Tujuan Tadabbur Al-Quran

a) Memperoleh hidayah

Amalan mentadabbur al-Quran semestinya akan menambahkan ilmu pengetahuan pada sesiapa sahaja yang sentiasa mengamalkanya kerana kitab al-Quran itu merupakan sumber ilmu dan petunjuk kepada seluruh umat manusia. Ia juga bertepatan sebagaimana namanya *al-huda* yang bermaksud petunjuk. Berikut merupakan ayat dari surah al-Hajj;

﴿وَلَيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِن رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخَبِّتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ لَهَادٌ
الَّذِينَ ءامَنُوا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ﴾

Maksudnya: “Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhiNya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus [5].”
(Surah Al-Hajj: 54)

b) Meningkatkan tahap keimanan terhadap Allah SWT

Mentadabbur ayat-ayat al-Quran pastinya akan meningkatkan tahap keimanan seseorang individu muslim itu terhadap penciptanya iaitu Allah SWT. Hal demikian kerana terdapat pelbagai ayat yang dapat menyentuh hati dan jiwa serta memberikan kesan kepada manusia terutamanya ayat-ayat yang membicarakan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT, ayat-ayat yang menceritakan tentang nikmat-nikmat syurga yang akan diberikan kepada orang-orang beriman serta azab-azab neraka yang disediakan kepada orang-orang yang melakukan dosa sebagai ganjaran ke atas setiap perbuatan dan amalan mereka semasa hidup di dunia.

c) Mengikuti perintah Allah

Mentadabbur al-Quran merupakan suatu amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Setiap hamba yang melaksanakan segala perintahNya pasti akan dilimpahi dengan kebaikan dan keberkatan serta beroleh manfaat daripada apa yang diamalkannya sebagaimana mentadabbur al-Quran. Orang yang mentadabbur al-Quran pasti akan terhindar daripada sifat orang-orang kafir serta sentiasa dituntun ke arah kebaikan. Mentadabbur juga menjadikan seseorang itu memperoleh kebenaran serta akan meningkatkan darjah keimanan.

2.3 Hukum Mentadabbur Al-Quran

Antara tujuan utama al-Quran diturunkan adalah untuk ditadabbur ayat-ayatnya agar setiap pesanan yang disampaikan dapat difahami dengan jelas dan tepat. Hal demikian kerana setiap perkara yang difahami daripada ayat-ayat suci al-Quran tersebut akan diterapkan dalam kehidupan setiap manusia yang bergelar muslim. Antara ayat yang membicarakan berkaitan suruhan mentadabbur al-Quran adalah sebagaimana petikan ayat pada surah Sad:

﴿كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّرًا وَلَيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابُ﴾

Maksudnya: “(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar [6].”
(Surah Sad: 29)

Menurut Imam Al-Suyuti dalam kitabnya *al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*, Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa ulama'- ulama' telah bersepakat dalam melampaui had kecepatan membaca al-Quran adalah sebuah perkara yang makruh. Para ulama' berpendapat bahawa membaca satu juz al-Quran secara tartil adalah lebih baik berbanding membaca dua juz al-Quran tanpa tartil pada zaman tersebut. Disunatkan membaca dengan tartil agar pembaca dapat mentadabbur setiap ayat yang dibaca sehingga ia dapat meninggalkan kesan pada hati [7].

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa amalan mentadabbur al-Quran merupakan sebuah amalan yang sememangnya dituntut ke atas setiap umat nabi Muhammad SAW untuk diamalkan. Sebagai umat Islam yang beriman kepada Allah SWT, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk melaksanakan setiap perkara yang diperintahkan dengan sebaiknya agar kita dapat menjadi seorang mukmin yang taat sepenuhnya pada Yang Maha Berkuasa.

3. Kajian Lepas-Tadabbur al-Quran Dan Teknologi Maklumat

Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Fatin Nazmin Mansor mendapati bahawa melalui penggunaan media sosial, ia mampu untuk mempengaruhi masyarakat Islam terutamanya dalam penyaluran maklumat seperti kaedah menghafal al-Quran serta aplikasinya dalam kehidupan harian [8]. Seterusnya, Mohd Sholeh Sheh Yusuff menyatakan mentadabbur ayat-ayat suci al-Quran menggunakan aplikasi telefon pintar adalah digalakkan agar penggunaan telefon pintar dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya pada masa kini [9].

Di samping itu, Nurulhusna menjelaskan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan suatu perkara yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pembelajaran al-Quran. Justeru, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang disediakan hendaklah dimanfaatkan dengan sebaiknya terutama dalam pembelajaran al-Quran [10].

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zainora Daud menunjukkan bahawa kewujudan aplikasi al-Quran yang terdapat dalam android menjadikan ianya sebagai salah satu keperluan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pada itu, ia juga menjadi satu alternatif terhadap penggunaan mushaf al-Quran disamping menjalani rutin harian mereka. Oleh yang demikian, teknologi maklumat yang berkembang menerusi telefon pintar ini menjadi sebuah alternatif dalam mempelbagaikan alat bantu mengajar disamping memenuhi keperluan gaya hidup kini [11].

Seterusnya, kajian oleh Nur Irsalina menyatakan bahawa pembelajaran tadabbur al-Quran melalui aplikasi Tik Tok memberikan maklumat serta kefahaman tentang penafsiran ayat suci al-Quran dengan mendalam [12]. Wardah Hanani menjelaskan melalui hasil kajiannya bahawa melalui aplikasi TikTok masyarakat akan lebih peka terhadap cabaran dan sumbangan dalam pembelajaran al-Quran yang mana ianya akan mempengaruhi cara bacaan mereka [13].

Selain itu, Roudlotul Jannah menyatakan dalam kajiannya bahawa model tafsir yang berada di media sosial merupakan laman media berdasarkan internet yang memberikan kemudahan yang sangat cepat dalam memproduksikan bidang tafsir kerana ia dapat menghilangkan batas waktu disamping manusia memiliki kebergantungan padanya [14]. Menurut Choirul Muhtadin terdapat laman Instagram yang mengkaji ayat-ayat al-Quran serta tafsirannya secara khusus yang berusaha dalam menyampaikan makna ayat-ayat suci al-Quran melalui pengisian-pengisian yang menarik [15].

Berdasarkan kajian oleh Mohd Taufik Abu Hassan, kajiannya mendapati bahawa pada laman *Facebook* kesemua cabang pembelajaran al-Quran mendapat sambutan yang menggalakkan berdasarkan jumlah pengikut pada setiap laman. Hasil kajiannya juga mendapati bahawa ruang untuk memahami al-Quran terbuka luas serta dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat [16]. Manakala berdasarkan dapatan kajian Siti Mastura Baharudin menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi al-Quran merupakan sebuah alat bantu mengajar yang sesuai serta ia menggalakkan pembelajaran aktif

dalam menarik minat pelajar untuk memahami ayat al-Quran. Ia juga menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar dan peranti mudah alih menghasilkan impak yang positif dalam pembelajaran al-Quran [17].

Selain itu, Syed Najihuddin bin Syed Hassan menyatakan bahawa kajianya berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan inovasi dalam pembelajaran tafhib merupakan sebuah usaha untuk membentuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pengajian tafhib yang lebih berkesan, menarik serta sesuai dengan perkembangan semasa agar ia dapat disumbangkan terhadap pembentukan generasi huffaz yang berkualiti [18]. Menurut Ginanjar Akbar al-Quran pula, media atas talian memberikan pelbagai kemudahan seperti terjemahan, bacaan, mencari halaman atau ayat dengan cepat berserta keterangan-keterangan ayat tersebut. Dalam pada itu, ia juga dapat diakses 24 jam melalui komputer atau telefon pintar yang terhubung dengan internet [19].

Kesimpulan, berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa penggunaan teknologi maklumat merupakan suatu elemen yang penting dalam kehidupan masyarakat kini. Namun, kemudahan ini hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah sebagaimana amalan mentadabbur al-Quran. Sehubungan itu, pada kajian ini penyelidik menjalankan kajian tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat dalam kalangan para pelajar Universiti Islam Selangor (UIS).

4. Metodologi Dan Rekabentuk Kajian

Kajian rintis ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan di Universiti Islam Selangor (UIS). Kajian ini melibatkan seramai 35 orang pelajar aliran tafhib yang terdiri daripada pelajar diploma dan ijazah sarjana muda. Justeru rekabentuk yang digunakan pada kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan sampel rawak berstarata. Dalam pada itu, instrumen yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik yang mana pembinaan soal selidik tersebut telah diadaptasi berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Hayati Hussin seterusnya ia diubahsuai berdasarkan kesesuaian kajian yang sedang dijalankan [20]. Proses pengumpulan data responden dijalankan dengan menggunakan borang digital “google form” agar proses tersebut berjalan dengan lebih mudah dan cepat. Soal selidik dibina berdasarkan interpretasi penilaian kajian berdasarkan skala Likert Lima Mata yang terdiri daripada lima pilihan jawapan iaitu, nilai skala 1= Sangat Tidak Setuju, nilai skala 2= Tidak Setuju, nilai skala 3= Tidak Pasti, nilai skala 4= Setuju dan nilai skala 5= Sangat Setuju.

5. Penemuan Kajian Rintis

Penggunaan soal selidik digital “google form” digunakan dalam proses pengumpulan data agar data dapat dianalisis dengan lebih mudah dan pantas. Dalam pada itu, proses penganalisisan data dilaksanakan dengan menggunakan perisian komputer IBM *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 29.

Berdasarkan jadual 1 di bawah, nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi konstruk tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat adalah 0.90 iaitu pada nilai sangat tinggi. Justeru, nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha yang berada di antara 0.30 sehingga 0.90 menunjukkan bahawa hasil kajian rintis yang dijalankan adalah baik.

Jadual 1

Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha
Tadabbur al-Quran dan teknologi maklumat	0.90

Seterusnya, Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil analisis latarbelakang responden berkaitan jantina. Peratusan responden mewakili jantina lelaki menunjukkan sebanyak 51.4% iaitu bersamaan 18 orang responden manakala peratusan yang mewakili jantina perempuan adalah sebanyak 48.6% iaitu bersamaan 17 orang responden. Justeru, ia bertepatan dengan jumlah keseluruhan bilangan responden iaitu seramai 35 orang.

Jadual 2

Latarbelakang Responden

Jantina	Peratusan	Bilangan
Lelaki	51.4%	18
Perempuan	48.6%	17

Bahagian berikutnya merupakan bahagian soalan berkaitan tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat. Terdapat 18 soalan pada bahagian ini yang melibatkan tadabbur melalui teknologi maklumat. Item-item yang terkandung pada soal selidik ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan nilai min. Berikut merupakan jadual 3 yang menunjukkan interpretasi skor min:

Jadual 3

Interpretasi Skor Min {21}

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 di bawah, nilai min yang dihasilkan berada di antara 3.29 hingga 3.94 di mana ia menunjukkan amalan tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat dalam kalangan pelajar Universiti Islam Selangor (UIS) berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala terdapat satu item berada pada tahap tinggi 4.09 iaitu saya lebih yakin untuk tadabbur al-Quran menggunakan kitab tafsir berbanding menggunakan laman web atau aplikasi dalam telefon pintar. Seterusnya terdapat satu item yang berada pada tahap sederhana rendah 2.80 iaitu saya tidak berminat untuk menggunakan laman web atau aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar. Oleh yang demikian, ia menunjukkan bahawa terdapat sebahagian pelajar yang lebih yakin untuk merujuk kitab tafsir dalam mentadabbur al-Quran berbanding menggunakan laman web atau aplikasi tadabbur yang terdapat dalam telefon pintar.

Jadual 4 dibawah menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item soal selidik berkaitan tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat:

Jadual 4

Tadabbur Al-Quran Melalui Teknologi Maklumat

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mempunyai aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar	3.29	1.29
2	Saya mengetahui laman web yang sesuai untuk mentadabbur al-Quran	3.54	1.12
3	Saya seronok bertadabbur melalui laman web/aplikasi tadabbur yang terdapat dalam telefon pintar	3.57	1.19
4	Laman web/aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar banyak membantu saya mentadabbur al-Quran	3.71	1.15
5	Laman web/aplikasi tadabbur al-Quran memudahkan saya dalam proses mentadabbur al-Quran	3.94	0.96

6	Laman web/aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar menarik perhatian saya untuk mentadabbur al-Quran	3.66	1.08
7	Laman web/aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar menaikkan semangat saya untuk mentadabbur al-Quran	3.66	1.08
8	Tadabbur al-Quran menggunakan laman web/aplikasi tadabbur adalah lebih mudah untuk difahami	3.46	1.22
9	Saya gemar mentadabbur al-Quran menggunakan laman web/aplikasi dalam telefon pintar kerana ia mudah untuk dibawa ke mana saja	3.69	1.05
10	Saya tidak berminat untuk menggunakan laman web/aplikasi tadabbur al-Quran dalam telefon pintar	2.80	1.45
11	Saya lebih yakin untuk tadabbur al-Quran menggunakan kitab tafsir berbanding menggunakan laman web/aplikasi dalam telefon pintar	4.09	1.01
12	Saya tidak dapat fokus dengan baik sekiranya proses tadabbur menggunakan telefon pintar	3.60	1.03
13	Saya menggunakan laman web/aplikasi tadabbur al-Quran sebagai bahan rujukan untuk mentadabbur al-Quran	3.69	0.90
14	Saya mengetahui tentang laman web/aplikasi tadabbur al-Quran melalui rakan dan guru	3.69	0.86
15	Rakan turut menggunakan laman web/aplikasi tadabbur yang terdapat dalam telefon pintar	3.49	1.06
16	Guru saya memberi maklumat berkaitan aplikasi yang sesuai untuk mentadabbur al-Quran	3.51	1.06
17	Guru saya menggunakan aplikasi tadabbur al-Quran semasa proses tadabbur di dalam kelas	3.31	1.05
18	Guru saya memperkenalkan beberapa laman web yang dapat membantu saya dalam proses untuk memahami al-Quran	3.51	1.01

6. Kesimpulan

Kepentingan teknologi maklumat dalam kehidupan manusia zaman kini merupakan sebuah perkara yang tidak dapat dinafikan lagi. Dengan wujudnya kecanggihan teknologi maklumat, ia merupakan suatu inisiatif yang dapat memberikan pelbagai manfaat terhadap kehidupan manusia. Justeru, kesimpulan hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa amalan mentadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat dalam kalangan pelajar Universiti Islam Selangor (UIS) berada pada tahap sederhana tinggi demikian kerana terdapat sebahagian pelajar yang lebih berminat untuk mentadabbur al-Quran dengan merujuk kitab-kitab tafsir berbanding menggunakan teknologi maklumat sebagai medium rujukan dalam mentadabbur al-Quran. Oleh yang demikian, sebagai seorang individu muslim, kita hendaklah sentiasa bijak dalam mengawal penggunaan teknologi maklumat yang disediakan iaitu dengan menggunakan kemudahan tersebut pada jalan-jalan yang mendatangkan kebaikan serta dengan melakukan perkara-perkara yang direhdai oleh Allah SWT sebagaimana amalan mentadabbur al-Quran. Justeru, perkara demikian penting untuk diterapkan dalam diri masyarakat terutamanya kanak-kanak dan remaja agar mereka dapat memanfaatkan teknologi yang ada dengan sebaiknya disamping melakukan ibadah kepada Allah SWT.

Rujukan

- [1] Sin, Nurul Zakirah Mat. "Definisi Qawa'id al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan dengan Qawa'id al-Tafsir." *International Journal of Quranic Research* 6, no. 1 (2014): 63-82.
- [2] bin Ali Al-Ahdal, Hashim. "Ta'lîm Tadabbur al-Quran al-Karîm: Asâlib Amâliyah wa Marâhil Manhâjiyyah'." *Universiti Ummul Qura, Makkah al-Mukarramah* (2008).

- [3] Jafri, Maisarah Thulhuda Mat, Mohd Faizulamri Mohd Saad, and Sabri Mohamad. "Keutamaan amalan tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahniz." *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah* 3, no. 2 (2018): 16-21.
- [4] dan Zulkifli, Nurul Zakirah Mat Sin, and Mohd Yusoff. "Konsep tadabbur: Suatu Kupasan." In *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*. 2012.
- [5] Basmeih, Abdullah. "Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juz." *Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri* (1994). Hlm 704.
- [6] Basmeih, Abdullah. "Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juz." *Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri* (1994). Hlm 991.
- [7] Zakaria, Rohana, Hayati Hussin, and Zainora Daud. "Amalan Tadabbur al-Quran Ke Arah Pemerksaan Jati Diri Dan Pemantapan Rohani." *Kuala Lumpur* (2017).
- [8] Mohd, Fatin Nazmin Mansor1 Siti Mursyidah, Safinah Ismail Zin, Nurzatil Ismah, and Siti Nur Husna Abd Rahman Azizan. "HAFAZAN AL-QURAN MENERUSI MEDIA SOSIAL: SATU KAJIAN TERHADAP PENGARUH DAN PERANAN DALAM MASYARAKAT Reciting the Quran through Social Media: A Study of the Influence and Role of Society."
- [9] Yusuff, Mohd Sholeh Sheh, Yusuf Haji-Othman, and Nurul Husna Mat Isa. "Tadabbur Al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah Al-Hadid." *Jurnal Dunia Pengurusan* 3, no. 1 (2021): 142-149.
- [10] binti Suhaimi, Nurulhusna, and Syed Najihuddin bin Syed Hassan. "Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran di Era Pra dan Pasca Endemik di Sekitar Selangor." (2023).
- [11] Daud, Zainora, Anuar Hasin, Norazman Alias, and Solehah Hasbollah. "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Al-Quran Dalam Telefon Pintar." (2020).
- [12] Pengajian Tadabbur Al-Quran di Aplikasi Tiktok.
- [13] Fadzilah, Wardah Hanani Binti Abdul Haris, Wan Farhana Binti Wan Mohd Khairul, Nur Raihana Az Zahra'Binti Muhd, and Syed Najihuddin Syed Hassan. "Pembelajaran Al-Quran dalam Kalangan Masyarakat melalui Aplikasi Tiktok di Pasca Pandemik Covid 19." (2023).
- [14] Jannah, Roudlotul. "Tafsir Al-Quran media sosial: Studi model tafsir pada akun instagram@quranriview." PhD diss., Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, 2021.
- [15] Tafsir al-qur'an di media sosial: studi model tafsir pada akun instagram@tadabburquranid: analisis kritis.
- [16] Hassan, Mohd Taufik Abu, Syafawati Salihan, Siti Salma Mohamad Shokri, Amaluddin Arshad, Abdullah Hussen, and Muhammad Hafizan Abd Hamid. "PERKEMBANGAN PENDIDIKAN AL-QURAN MELALUI MEDIA SOSIAL: SATU TINJAUAN DI APLIKASI FACEBOOK."
- [17] Baharudin, Siti Mastura, Adura Hani Abdul Hani, Nurul Fazzuan Khalid, and Muhammad Zuhair Zainal. "Keberkesanan aplikasi al-Quran m-pembelajaran dalam meningkatkan pencapaian Hifz Al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)." *e-BANGI* 18, no. 9 (2021): 122-134.
- [18] bin Syed Hassan, Syed Najihuddin, Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi, Siti NurHajar Binti Mat Asa, Siti Nur Alya Binti Zamzuri, and Aina Ellysa Binti Zulkarnain. "Teknologi maklumat dan inovasi dalam pembelajaran tahniz Quran." *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* (2022).
- [19] Akbar, Ginanjar. "Metode pembelajaran alquran melalui media online." *Indonesian Journal of Networking and Security (IJNS)* 2, no. 1 (2013).
- [20] Hussin, Hayati Binti. "Masalah Tadabbur Al-quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Maahad Tahfiz Selangor." *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir* (2019).
- [21] Nunally, Jum C. and Ira H. Bernstein. *Psychometric Theory*. 3rd ed. McGraw-Hill. 1994